

▼23/11/16-19MST

R GB 23-11 00177 BA039

bah

Parlimen - Mahathir

DAP PERLU KEMUKAKAN BUKTI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- DAP perlu mengemukakan bukti berhubung dakwaannya bahawa pemimpin UMNO mempunyai kepentingan dalam syarikat "gergasi" yang mendapat tender projek-projek penswastaan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata DAP perlu menyenaraikan syarikat-syarikat tersebut dan menunjukkan bukti bahawa pemimpin tertinggi (UMNO) mempunyai kepentingan dalam syarikat itu.

"Jika beliau hanya mendengar cakap-cakap dalam pasaran, dan membuat andaian bahawa ini adalah benar, cara ini tidak berasas," katanya ketika menjawab soalan tambahan Encik Ahmad Nor (DAP-Bayan Baru) pada persidangan Dewan Rakyat di sini.

Ahmad Nor dalam soalnya bertanya mengapa projek penswastaan besar diberikan kepada syarikat gergasi seperti Kumpulan UEM dan Berjaya sahaja dan sejauh manakah kebenaran anggapan orang ramai (menurut Ahmad Nor) bahawa pemimpin politik (UMNO) mempunyai kepentingan dalam syarikat itu.

Dr Mahathir berkata beliau tahu namanya dikaitkan dengan syarikat gergasi berkenaan dan menambah kata bahawa jika dakwaan itu benar, beliau sekarang sudah menjadi seorang "billionaire". -- Lagi.

▼23/11/16-38MST

R GB 23-11 00174 BA040

bah

Parlimen - Mahathir 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Beliau juga berkata DAP boleh memeriksa sejauh mana kebenaran UMNO menerima duit yang banyak daripada syarikat yang dikatakan itu dan mengemukakan bukti sekiranya perkara itu benar.

Bagaimanapun UMNO juga berhak memeriksa sumber kewangan DAP, katanya.

Ketika menjawab soalan asal anggota yang sama, Dr Mahathir berkata bagi projek penswastaan yang dikenal pasti oleh kerajaan, pelaksanaan projek tersebut akan dibuat melalui tender secara terbuka atau terhad.

Katanya, melalui tender terbuka, projek yang akan diswastakan akan diiklankan melalui surat khabar manakala, melalui tender terhad, Unit Perancang Ekonomi (EPU) akan menjemput syarikat yang berminat mengemukakan tawaran masing-masing.

Menurut Dr Mahathir, tawaran yang dikemukakan itu akan dinilai oleh jawatankuasa teknikal kementerian terbabit dan jawatankuasa kewangan EPU dan keputusan akhir sesuatu tender dibuat oleh Jemaah Menteri.

Ketika menjawab soalan Wan Junaidi Tuanku Jaafar (BN-Batang Lupar) beliau berkata penswastaan telah berjaya mengurangkan sebanyak 100,000 kakitangan awam dan ini menjimatkan wang rakyat berjumlah ribuan juta ringgit. -- Bernama.

RG NMO

▼23/11/16-39MST